1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1449/2
Bentuk Ujian	:	Subjektif
Markah	:	100 Markah
Masa	:	2 jam 30 minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian**: **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C.**

Bahagian A	:	Mengandungi 10 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 40 markah.
Bahagian B	:	Mengandungi 5 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 45 markah.
Bahagian C	:	Mengandungi 2 soalan. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Bahagian ini memperuntukkan 15 markah.

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya, calon memahami kehendak soalan yang dikemukakan dan berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Majoriti calon dapat menjawab sebahagian besar soalan.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat memahami soalan yang dikemukakan dengan baik dan berupaya memberi jawapan yang tepat. Langkah kerja yang ditunjukkan adalah lengkap. Mereka juga boleh mengaplikasikan rumus dan kaedah yang betul serta memberi penyelesaian dengan tepat. Selain itu, mereka berupaya untuk menyelesaikan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka cuba menjawab semua soalan yang diberi tetapi tidak mendapat markah penuh untuk sebahagian soalan kerana tidak memahami konsep dan melakukan kecuaian dalam pengiraan. Calon dalam kumpulan ini tidak berupaya untuk menggunakan maklumat yang diberikan dalam soalan KBAT untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka lebih berupaya menyelesaikan soalan aras kesukaran rendah dan sederhana sahaja.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A


Soalan 1 (a)(i)

(*a*) Nyatakan sama ada ayat berikut ialah pernyataan atau bukan pernyataan.
State whether each of the following sentences is a statement or not a statement.

(i) 4 ialah gandaan bagi 2
4 *is a multiple of* 2

Calon dikehendaki **menyatakan sama ada ayat yang diberi ialah pernyataan atau bukan pernyataan.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat menyatakan bahawa ayat yang diberi ialah pernyataan dengan tepat.

Soalan 1 (a)(ii)

(*a*) Nyatakan sama ada ayat berikut ialah pernyataan atau bukan pernyataan.
State whether each of the following sentences is a statement or not a statement.

(ii) $y = 2x + 5$

Calon dikehendaki **menyatakan sama ada ayat yang diberi ialah pernyataan atau bukan pernyataan.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat menyatakan bahawa ayat yang diberi bukan pernyataan dengan tepat.

Soalan 1 (b)(i)

(*b*) Rajah 1 menunjukkan satu implikasi.

Diagram 1 *shows an implication.*

Jika $2 + 2 = 2 \times 2$, maka $3 + 3 = 3 \times 3$
If $2 + 2 = 2 \times 2$, *then* $3 + 3 = 3 \times 3$


Rajah 1
Diagram 1

(i) Tulis songsangan bagi implikasi tersebut.

Write down the inverse of the implication.

Calon dikehendaki **menulis songsangan** bagi implikasi yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat menulis songsangan bagi implikasi yang diberi dengan tepat.


Soalan 1 (b)(ii)

(ii) Seterusnya, tentukan nilai kebenaran songsangan itu.

Hence, determine the truth value of the inverse.

Calon dikehendaki **menentukan nilai kebenaran songsangan** dalam Soalan 1(b)(i).

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat menentukan nilai kebenaran songsangan dengan tepat.

Soalan 2

Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi fungsi $y = -x^2 + 4$ untuk $-3 \leqslant x \leqslant 2$.

Table 1 shows the values of function $y = -x^2 + 4$ *for* $-3 \leqslant x \leqslant 2$.

x	-3	-2.1	-1	0	1	2
y	-5	-0.4	3	4	3	0


Jadual 1
Table 1

Pada ruang jawapan, lukis graf $y = -x^2 + 4$ untuk $-3 \leqslant x \leqslant 2$. Anda boleh menggunakan pembaris fleksibel.

In the answer space, draw the graph of $y = -x^2 + 4$ *for* $-3 \leqslant x \leqslant 2$. *You may use a flexible curve rule.*


Calon dikehendaki **melukis graf** bagi persamaan $y = -x^2 + 4$ untuk $-3 \leq x \leq 2$ berdasarkan Jadual 1 yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat memplot enam titik dengan tepat dan seterusnya melukis graf lengkung yang licin dan berterusan bagi $y = -x^2 + 4$.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon dapat memplot semua titik tetapi tidak dapat melukis graf lengkung dengan licin.

Soalan 3(b)

(*b*) Seterusnya, hitung nilai sudut dongak itu.

Hence, calculate the value of the angle of elevation.

Calon dikehendaki **menghitung nilai sudut dongak** V dari S.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\tan\theta = \frac{3.5}{2}$$


$$\theta = \tan^{-1}\left(\frac{3.5}{2}\right)$$

$$\theta = 60.2551^\circ$$

Calon dapat menghitung nilai sudut dongak V dari S menggunakan nisbah trigonometri dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$SW = 2\text{ m}$



$$\tan \angle VSW = \frac{3.5}{2}$$

$$\angle VSW = \tan^{-1}\left(\frac{3.5}{2}\right)$$

$$\angle VSW = 37.03^\circ$$


Calon dapat menggunakan nisbah trigonometri dengan tepat tetapi tidak memberikan jawapan akhir yang betul.

Soalan 4 (b)

(*b*) kos perubatan yang ditanggung oleh Suzie.
the medical cost borne by Suzie.


Calon diminta **mencari kos perubatan yang ditanggung oleh Suzie.**

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat mencari kos perubatan yang ditanggung oleh Suzie dengan tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon dapat menunjukkan langkah pengiraan yang betul tetapi melakukan kesilapan semasa menghitung jawapan akhir.

Suka sampel ini?

Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2

RM34.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX online banking · download serta-merta